



27 NOV, 2022

Pesakit kanser gagah diri terima PhD

Metro Ahad, Malaysia



Page 1 of 2

Pesakit kanser gagah diri terima PhD

Shah Alam: Dua minggu sebelum tarikh konvokesyen, dia disahkan menghidap kanser kolon atau usus tahap empat namun tidak mematahkan semangat Dr Anis Mardiana Abdullah untuk hadir pada Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi Mara (UiTM) ke-95, semalam.

Malah, Dr Anis Mardiana, 45, yang berjaya menamatkan pengajian dalam bidang Doktor Falsafah (Pengangkutan dan Logistik), tetap menggagahkan diri berdiri ketika menerima skrol ijazah kedoktoran (PhD) daripada Pro-Canselor UiTM, Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin.

Penerima Anugerah Hadiah Buku Inovasi Malaysia Technology Development Corporation (MTDC) itu berkata, dia enggan menggunakan kerusi roda kerana tidak mahu menyusahkan

orang lain, malah masih merasakan mampu berdiri walaupun dalam tempoh seketika.

“Saya tidak sangka dapat anugerah ini (dalam keadaan kesihatan tidak menentu). Alhamdulillah, segalanya berjalan lancar (konvokesyen).

“Semasa sambung belajar, tiada simptom teruk, ada sikit-sikit termasuk tangan menggeletar bila menulis... saya ingat stres belajar tetapi sekarang ini baru saya tahu keadaan kesihatan saya agak teruk.

“Selepas tamat belajar, saya buat pemeriksaan, doktor sahkan kanser tiroid. Saya ingat setakat itu saja tetapi keadaan kesihatan masih tidak baik, jadi dua minggu lalu selepas buat pemeriksaan, saya didiagnosis kanser kolon tahap empat,” katanya ketika ditemui selepas istiadat konvokesyen itu, semalam.



Semasa sambung belajar, tiada simptom teruk, adalah sikit-sikit termasuk tangan menggeletar bila menulis, saya ingat itu stres belajar...”

Dr Anis



27 NOV, 2022

Pesakit kanser gagah diri terima PhD

Metro Ahad, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Shah Alam: Dua minggu sebelum tarikh konvokesyen, dia disahkan menghidap kanser kolon atau usus tahap empat namun tidak mematahkan semangat Dr Anis Mardiana Abdullah untuk hadir pada Istiadat Konvokesyen Universiti Teknologi Mara (UiTM) ke-95, semalam. Malah, Dr Anis Mardiana, 45, yang berjaya menamatkan pengajian dalam bidang Doktor Falsafah (Pengangkutan dan Logistik), tetap menggagahkan diri berdiri ketika menerima skrol ijazah kedoktoran (PhD) daripada Pro-Canselor UiTM, Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin.